

Meningkatkan Kemahiran Menjawab Soalan Kefahaman Melalui Sifat Dan Perwatakan Dalam Cerita

Siti Norashikin Hassan

siti_norashikin_hassan@schools.gov.sg

Siti Farhanah Mohd Nasir

siti_farhanah_mohd_nasir@schools.gov.sg

Sekolah Menengah Deyi

Abstrak

Berdasarkan pemerhatian guru, pelajar kurang berupaya menjawab soalan-soalan kefahaman subjektif yang berkaitan dengan sifat dan perwatakan. Hal ini berkait rapat dengan pengetahuan tentang ciri-ciri sifat dan perwatakan yang terbatas. Akibatnya, pemahaman pelajar terhadap isi cerita terjejas dan pelajar tidak dapat menjawab soalan kefahaman dengan tepat. Kajian Tindakan yang dijalankan ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan pelajar memahami makna serta penggunaan sifat dan perwatakan agar lebih mahir dalam menjawab soalan kefahaman. Melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan, pelajar dapat membina pengetahuan dan pemahaman terhadap sifat dan perwatakan serta menerapkannya dalam situasi autentik. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubung kait antara pengetahuan kosa kata berkaitan sifat dan perwatakan dengan keupayaan menjawab soalan kefahaman.

Kata Kunci: sifat dan perwatakan, kosa kata, kajian tindakan, kefahaman subjektif, teks naratif, pemahaman



PENGENALAN

Memahami teks dan menjawab soalan kefahaman dari pelbagai aras kognitif merupakan salah satu matlamat akhir kemahiran membaca yang perlu dikuasai pelajar. Menurut Noor Rohana Mansor (2009), soalan-soalan kefahaman boleh dikategorikan berdasarkan aras kesukarannya, bermula dari tahap literal, tahap inferensi, tahap penilaian hingga ke tahap reka cipta. Sifat dan perwatakan merupakan komponen penting dalam memahami teks kefahaman yang berbentuk naratif. Soalan-soalan kefahaman yang berkaitan dengan sifat dan perwatakan biasanya merupakan soalan jenis inferens yang memerlukan bukan sahaja pemikiran aras tinggi, bahkan menuntut penguasaan kosa kata berkaitan ciri-ciri sifat dan perwatakan (*character traits vocabulary*). Hal ini penting kerana tujuan membaca adalah untuk memperoleh makna daripada cerita. Maka memahami makna perkataan adalah sangat penting bagi membentuk pemahaman pelajar terhadap teks dan meningkatkan keupayaan mereka untuk memberikan respons yang wajar dalam menjawab soalan.

Ketidakupayaan pelajar dalam menjawab soalan kefahaman yang berkaitan dengan sifat dan perwatakan seringkali berkait rapat dengan penguasaan kosa kata yang lemah dan terhad. Justeru, aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam kajian ini diharapkan dapat meningkatkan kemahiran pelajar menjawab soalan kefahaman, membina pengetahuan, pemahaman dan keupayaan pelajar untuk menerapkan kosa kata terutama sekali yang berkaitan dengan sifat dan perwatakan kepada sesebuah konteks atau situasi dalam cerita.

PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan pemantauan guru, para pelajar didapati tidak berupaya menjawab soalan-soalan kefahaman subjektif yang berkaitan dengan sifat dan perwatakan. Perkara ini dikuatkan lagi dengan dapatan praujian yang dijalankan ke atas kumpulan sasaran. Pelajar didapati mempunyai beberapa kelemahan yang dikesan. Pertama, para pelajar tidak berupaya memberikan sifat-sifat yang tepat dalam menerangkan perwatakan seseorang watak dan seringkali memberi jawapan yang bersifat umum, mudah dan terhad seperti 'baik' dan

'baik hati'. Kedua, mereka tidak dapat memberikan contoh-contoh dan bukti-bukti yang tepat yang mencirikan perbuatan, perasaan atau peristiwa yang berlaku dalam teks bagi memberikan gambaran menyeluruh tentang sifat-sifat seseorang watak. Masalah ini berpunca daripada pengetahuan mengenai kosa kata yang berkaitan sifat dan perwatakan yang terhad (*character traits vocabulary*). Perkara ini sudah pasti menjejaskan pemahaman pelajar terhadap keseluruhan isi teks. Sekiranya kelemahan ini tidak diatasi, sudah pasti ia akan menjejaskan kelakonan pelajar dalam Kertas 2 bagi ujian atau peperiksaan Bahasa Melayu. Mentelah lagi, komponen kefahaman subjektif mempunyai pemberatan markah yang tinggi bagi Kertas 2 Bahasa Melayu. Dengan itu, satu usaha dalam bentuk Kajian Tindakan telah dijalankan bagi menangani permasalahan ini.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah seperti berikut:

1. meningkatkan keupayaan pelajar untuk memahami makna serta penggunaan sifat dan perwatakan; dan
2. meningkatkan kemahiran pelajar menjawab soalan kefahaman.

KAJIAN LEPAS

N. Alexandra Bluestein (2002) menyatakan bahawa perkara asas ke arah gambaran mental dan pemahaman ialah penggunaan perwatakan. Watak yang dipaparkan dalam cerita memiliki tiga dimensi; mempunyai perasaan, buah fikiran, aksi dan meluahkan kata. Dengan mengenal pasti sifat dan perwatakan, ia membawa kepada pelibatan pelajar yang lebih mendalam dengan teks tersebut. Lori Jamison Rog (2012) pula berpendapat, teks kefahaman amat penting kerana ia meningkatkan pertanyaan pembaca bagi membezakan watak. Perincian mengenai watak boleh dinyatakan secara langsung ataupun melalui watak-watak lain. Lantas, pembaca harus membuat kesimpulan sifat-sifat watak dengan menganalisis tindakan atau dialog, sama ada secara langsung atau tidak langsung.



Marohaini Yusof (1999) menjelaskan bahawa makna perkataan atau semantik merupakan satu faktor yang boleh mempengaruhi pemahaman membaca. Hal ini selari dengan pendapat Walter Sawyer dan Diana E. Comer (1995) yang mengatakan bahawa oleh sebab tujuan membaca adalah untuk mendapatkan makna, maka memahami makna perkataan adalah asas kepada pembacaan sebenar. Oleh itu, bagi memahami sifat dan perwatakan yang terkandung dalam sesebuah teks naratif, adalah penting bagi pembaca mempunyai pengetahuan latar tentang makna dan penggunaan sifat dan perwatakan tersebut. Hal ini menuntut para pelajar mempunyai pengetahuan kosa kata berkaitan sifat dan perwatakan yang luas.

Menurut Patrick C. Manyak, Ann-Margaret Manyak, Nicole D. Cimino dan Amy L.Horton (2019), kajian-kajian terdahulu telah menunjukkan dengan jelas bahawa pengetahuan kosa kata bahasa Inggeris yang cetek menjadi penghalang kepada pencapaian akademik dalam bidang-bidang penting seperti kefahaman membaca. Oleh itu, Panel Membaca Nasional (*National Reading Panel*) di Amerika Syarikat mengenal pasti pengajaran kosa kata sebagai salah satu komponen penting dalam pengajaran kefahaman membaca. Patrick dan rakan-rakan penulisnya telah membangunkan konsep Mengajar Kosa Kata untuk Aplikasi atau *Teaching Vocabulary for Application* (TVA) yang memberi tumpuan kepada kemahiran pelajar mengaplikasi sebilangan perkataan yang dipilih bagi menyelesaikan tugas-tugas akademik seperti analisis teks kefahaman dan penulisan.

TVA bukan semata-mata mengajar kosa kata tetapi merupakan jalinan beberapa aktiviti yang matlamat akhirnya adalah untuk membantu pelajar meningkatkan kecekapan berbahasa dan mencapai kemahiran-kemahiran yang lebih besar dalam penulisan, pemahaman dan perbincangan secara keseluruhan. Aktiviti-aktiviti dalam TVA melibatkan:

1. pemilihan perkataan-perkataan yang dianggap penting untuk sesuatu tugas;
2. pendedahan eksplisit kepada makna dan penggunaan perkataan-perkataan tersebut; dan
3. pelaksanaan latihan dan aktiviti yang merangsang pelajar untuk

menerapkan penggunaan perkataan-perkataan yang dipelajari untuk satu jangka masa yang panjang.

Antara aktiviti yang telah dijalankan dan terbukti berhasil dalam meningkatkan kecekapan pelajar dalam pemahaman dan penulisan ialah pengajaran kosa kata berkaitan dengan sifat dan perwatakan (*character trait vocabulary*). Konsep TVA yang dipelopori oleh Patrick C. Manyak dan rakan-rakannya adalah selari dengan pendapat Nila Banton Smith (1969) yang menyatakan bahawa pemahaman merupakan satu kemahiran yang perlu dikuasai secara bertahap-tahap, bermula dengan kemahiran yang paling asas, sebelum pembaca dapat beralih ke tahap selanjutnya.

Sebagai kesimpulan, ramai pengkaji bersependapat tentang wujudnya isu-isu ketika mengajar kemahiran pemahaman. Masalah ini menjadi keprihatinan dalam semua bidang, bukan hanya tertakluk pada pengajaran linguistik sahaja. Hal ini disokong oleh Harvey, S. dan Goudvis, A.(2007) yang mengenal pasti keperluan bagi guru melengkapi para pelajar dengan pelbagai strategi berkaitan dengan kemahiran pemahaman.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan Kajian Tindakan. Pengumpulan data dibuat berdasarkan kaedah kuantitatif dengan membandingkan data yang diperolehi daripada praujian dengan pascaujian.

Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan 20 orang pelajar menengah satu daripada dua kelas yang berbeza. Pelajar ini mempunyai tahap keupayaan dalam Bahasa Melayu yang berbeza. Kelas Band Atas terdiri daripada 11 orang pelajar aliran Ekspres yang merupakan gabungan 8 pelajar SBB (Normal Akademik) dan 3 pelajar Ekspres. Kelas Band Bawah pula terdiri daripada 9 orang pelajar aliran Normal Akademik yang merupakan gabungan 5 pelajar SBB (Normal Teknikal) dan 4 pelajar Normal Akademik.



Kumpulan pelajar ini dibentuk berdasarkan kelakonan mereka yang menghadapi kesukaran mencungkil jawapan yang relevan dan sesuai daripada petikan untuk menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan sifat dan perwatakan dalam kefahaman subjektif.

Instrumen Kajian

Instrumen utama yang digunakan ialah pengumpulan data yang dilakukan semasa praujian dan pascaujian. Dua praujian telah digunakan bagi menilai pengetahuan sedia ada pelajar tentang sifat dan perwatakan serta mendiagnosis kesukaran yang dihadapi pelajar dalam menjawab soalan kefahaman berkaitan sifat dan perwatakan. Dalam praujian tersebut, para pelajar dikehendaki:

1. Menyenaraikan seberapa banyak sifat dalam jangka masa 2 minit; dan
2. Menjawab 3 soalan kefahaman berdasarkan sebuah teks naratif lengkap. Soalan-soalan yang dikemukakan khusus kepada sifat dan perwatakan.


Bagi menilai keberkesanan strategi yang digunakan dan mengukur tahap kemajuan pelajar, dua pascaujian yang serupa seperti praujian dijalankan di akhir kajian. Instrumen-instrumen lain yang digunakan adalah seperti berikut:

1. 16 Kad Imbas yang setiap satu menjelaskan makna 1 sifat serta senario penggunaannya;
2. Senarai sifat positif dan negatif sebagai rujukan pelajar;
3. Klip video pendek serta bahan berita dari akhbar sebagai alat rangsangan untuk meningkatkan pemahaman pelajar terhadap sifat-sifat positif dan negatif yang telah dipelajari dalam aktiviti Kad Imbas;
4. Teks-teks pendek sebagai latihan penerapan; dan
5. *Google Docs* sebagai platform tugas kolaboratif bagi latihan mewujudkan senario.

Prosedur Kajian

Kajian ini telah dijalankan sebanyak 2 kitaran selama 4 bulan. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada dapatan praujian, guru melakar aktiviti-aktiviti yang sesuai bagi memenuhi keperluan pembelajaran pelajar. Rajah 1 menjelaskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang telah dilaksanakan dalam Kitaran 1.

Rajah 1: Pelaksanaan Kitaran 1



Bagi Kitaran 2 pula, urutan aktiviti yang sama telah dijalankan dengan sedikit kelainan. Pelajaran dimulakan dengan aktiviti Kad Imbas Berpasangan dengan 8 perkataan baharu bagi membina pengetahuan pelajar. Kemudian,



bagi membantu proses pemahaman pelajar, tajuk-tajuk berita dan artikel-artikel pendek daripada akhbar telah digunakan. Para pelajar dikehendaki melengkapkan lembaran kerja dengan memberikan bukti-bukti situasi dan perbuatan yang memaparkan sesebuah sifat daripada bahan-bahan akhbar tersebut.

Sebagai aktiviti pengukuhan, pada pelajaran terakhir, para pelajar dikehendaki menjawab soalan-soalan kefahaman berdasarkan 3 teks pendek yang menjurus kepada sifat-sifat yang telah dipelajari.

Akhir sekali, bagi meninjau dapatan akhir kajian ini, para pelajar dikehendaki menduduki pascaujian dan markah mereka dicatatkan untuk dianalisis.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan dan respons pelajar melalui praujian dan pascaujian, terdapat beberapa perkara yang boleh dicungkil dan dianalisis. Dalam praujian 2 minit, respons beberapa pelajar menyerlahkan salah faham dan kekeliruan dalam mengenal pasti ciri-ciri sifat dan perwatakan yang amnya berbentuk kata adjektif.

Contohnya, terdapat respons kosa kata yang diberikan pelajar seperti 'berpakat', 'berjaya', 'tolong-menolong', 'pencuri', 'harmoni', 'menyakat', 'kerja keras', 'kasih sayang' dan 'kacau' dalam jawapan pelajar yang bukan merupakan sifat dan perwatakan. Respons 'baik' dan 'baik hati' juga merupakan jawapan yang kerap diberikan. Selain itu, terdapat pelajar yang hanya mampu memberikan 1 sifat yang betul dalam masa yang ditetapkan.

Respons dalam pascaujian pula didapati lebih tepat, pelbagai dan rencam. Antaranya adalah 'berdaya bingkas', 'berdedikasi', 'licik', 'keras hati', 'cuai', 'jujur', 'setia', 'penakut', 'ikhlas' dan 'tegas'. Secara purata, kebanyakan pelajar dapat memberikan sekurang-kurangnya 5 sifat yang betul sebagai jawapan. Jadual 1 menunjukkan contoh-contoh jawapan pelajar berdasarkan soalan-soalan yang diberikan.

Jadual 1: Contohan Jawapan Pelajar Dari Praujian Dan Pascaujian Kefahaman

Bil	Soalan	Praujian	Pascaujian
1	Apakah dua sifat terpuji Farah? Berikan bukti-bukti bagi menyokong jawapan kamu. (5 markah)	<p><u>Pelajar A</u> <u>Sifat pertama ialah tolong-menolong kerana apabila kawan-kawannya dalam kesusahan, dia akan sentiasa berada bersama mereka.</u> <u>Sifat kedua adalah penyayang kerana setelah Nurul melakukan salah kepadanya, dia masih memaafkannya.</u> (Markah pelajar: 0)</p>	<p><u>Pelajar A</u> Pertama, pemaaf. Farah telah memaafi Nurul walaupun Nurul telah mencuba pelbagai cara untuk merosakkan persahabatannya bersama Intan. Kedua, berjiwa murni. Farah telah menolong Intan dalam pelajarannya kerana Intan baru sahaja sembuh daripada penyakit barah. (Markah pelajar: 5)</p>
2	Nurul seorang yang pendengki. Berikan bukti-bukti bagi menyokong pernyataan ini. (5 markah)	<p><u>Pelajar B</u> <u>Bukti pertama adalah Nurul membuat perkara jahat kepada Intan yang menyebabkan Intan dimarahi oleh guru Matematik mereka.</u> Bukti kedua adalah, Nurul membuat pelbagai perkara untuk merosakkan persahabatan Intan dan Farah. (Markah pelajar: 3)</p>	<p><u>Pelajar B</u> Bukti pertama adalah dia cuba merosakkan persahabatan Intan dan Farah kerana mereka meluangkan banyak masa bersama-sama. Bukti kedua adalah, dia mengambil kotak pensel dan kalkulator Intan supaya dia dimarahi cikgu. (Markah pelajar: 5)</p>
3	Nurul bukan seorang sahabat yang setia. Berikan bukti-bukti bagi menyokong pernyataan ini. (5 markah)	<p><u>Pelajar C</u> <u>Nurul cemburu melihat Farah rapat dengan Intan.</u> (Markah pelajar: 0)</p>	<p><u>Pelajar C</u> Pertama, dia tidak memahami kondisi Intan dan cemburu kerana Farah rapat dengan Intan. <u>Kedua, Nurul melakukan bermacam-macam untuk rosakkan persahabatan mereka.</u> (Markah pelajar: 3)</p>

Berdasarkan dapatan praujian kefahaman pula, terdapat beberapa kelemahan yang dikenal pasti. Antaranya, pelajar tidak dapat membezakan antara sifat dan perbuatan. Contohnya bagi soalan pertama, pelajar



memberikan ‘perbuatan tolong-menolong’ sebagai sifat yang terpuji dan tidak dapat memberikan contoh yang sesuai bagi menyokong sifat yang dipilih. Selain itu, jawapan ‘baik’ dan ‘baik hati’ juga kerap diberikan sebagai sifat terpuji. Jawapan-jawapan ini tidak diterima kerana guru ingin melatih para pelajar menggunakan kosa kata sifat yang tepat dan yang bukan bersifat umum atau generik.

Bagi soalan kedua dan ketiga pula, pelajar tidak dapat memberikan bukti-bukti yang tepat bagi menyokong pernyataan berkaitan sifat watak. Para pelajar juga kurang jelas dalam memberikan penerangan. Contohnya, bagi membuktikan Nurul seorang yang pendengki, pelajar sekadar menulis Nurul telah melakukan ‘perkara jahat’ tanpa menjelaskannya dengan lebih terperinci. Dapatan Pascaujian kefahaman pula menunjukkan peningkatan dari segi ketepatan dan mutu jawapan. Ayat-ayat yang ditulis juga lebih lengkap, tersusun dan berstruktur. Para pelajar juga mempamerkan kebolehan memetik bukti-bukti relevan daripada teks.

Jadual 2: Pencapaian Pelajar Dalam Praujian Dan Pascaujian

Item	Praujian		Pascaujian	
	Ujian 2 minit (5 sifat & ke atas) %	Kefahaman (% lulus)	Ujian 2 minit (5 sifat & ke atas) %	Kefahaman (% lulus)
Band Atas (11)	90	18	91	64
Band Bawah (9)	33	0	44	22
Jumlah keseluruhan (20)	63	10	74	45

Jadual 2 memaparkan dapatan kajian secara kuantitatif yang menunjukkan peningkatan dari segi pencapaian pelajar dalam kedua-dua pascaujian. Secara keseluruhan, terdapat peningkatan dari segi peratusan pelajar yang lulus ujian kefahaman, iaitu daripada 10% kepada 45%. Peningkatan ini lebih ketara dalam kalangan pelajar band atas iaitu daripada kelulusan sebanyak 18% kepada 64%. Walaupun kurang signifikan, para pelajar band bawah juga menunjukkan kemajuan dari segi jumlah kelulusan iaitu sebanyak 22%. Berdasarkan dapatan ini, dapat dirumuskan bahawa para

pelajar band bawah memerlukan lebih banyak masa, bimbingan, perancangan serta pengukuhan dalam memahami makna sifat dan perwatakan serta mengaplikasikannya kepada teks kefahaman.

Peningkatan dari segi peratusan pelajar yang dapat menyenaraikan 5 sifat atau lebih bagi band atas adalah sangat sedikit iaitu 1% sahaja dan 11% bagi band bawah. Hal ini kerana para pelajar band bawah sebenarnya mempunyai pengetahuan kosa kata sifat dan perwatakan yang sangat terhad dibandingkan para pelajar band atas. Oleh itu, senarai sifat positif dan negatif yang diberikan serta aktiviti-aktiviti seperti kad imbas yang dijalankan, mendedahkan para pelajar band bawah kepada lebih banyak perkataan, berbanding para pelajar band atas yang sejumlah 90% sudah dapat menyenaraikan 5 sifat atau lebih semasa praujian.

Jadual 3: Perbandingan Pencapaian Pelajar Berdasarkan 2 Ujian

Item	Praujian		Pascaujian	
	Ujian 2 minit (5 sifat & ke atas) %	Kefahaman (% lulus)	Ujian 2 minit (5 sifat & ke atas) %	Kefahaman (% lulus)
Band Atas (11)	90	18	91	64
Band Bawah (9)	33	0	44	22
Jumlah keseluruhan (20)	63	10	74	45

Jadual 3 menunjukkan perbandingan pencapaian pelajar berdasarkan 2 ujian. Berdasarkan jadual di atas, pelajar didapati telah menunjukkan kemajuan dalam pascaujian, tanpa mengira sama ada mereka lulus atau gagal. Jika dilihat dari segi kelulusan, hanya 45% pelajar dari jumlah keseluruhan yang lulus pascaujian kefahaman. Namun, ini tidak bermakna, 55% pelajar yang masih gagal tidak mencapai sebarang kemajuan atau meraih manfaat daripada aktiviti-aktiviti intervensi yang dijalankan.



Jadual 4: Pencapaian Pelajar Berdasarkan 2 Ujian

Item	Peratusan Pelajar Yang Menunjukkan Kemajuan (%)	
	Ujian 2 minit	Kefahaman
Bilangan Pelajar		
Band Atas (11)	30	72.7
Band Bawah (9)	62.5	87.5
Jumlah keseluruhan (20)	40	75

Berdasarkan analisis pencapaian pelajar berdasarkan 2 ujian, sejumlah 75% pelajar secara keseluruhan telah meraih markah yang lebih baik dalam pascajian kefahaman, meskipun mereka tidak semestinya lulus. Dari rajah ini, dapat dilihat bahawa pelajar band bawah telah meraih kemajuan yang lebih signifikan iaitu 87.5% bagi kefahaman dan 62.5% bagi penyenaian sifat dalam ujian 2 minit. Dapatan ini merupakan suatu isyarat positif kepada guru bahawa walaupun pencapaian para pelajar secara keseluruhan masih belum sampai ke tahap yang memuaskan, sebilangan besar telah menunjukkan kemajuan berdasarkan kemampuan masing-masing.

Para pelajar telah meraih manfaat daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan bagi meningkatkan keupayaan mereka memahami makna serta penggunaan sifat dan perwatakan di samping membina kemahiran menjawab soalan kefahaman. Strategi yang digunakan adalah bertahap-tahap dan saling bergantung antara satu sama lain. Bermula dengan pembinaan pengetahuan menerusi aktiviti kad imbas berpasangan yang mana pelajar didedahkan kepada 16 sifat positif dan negatif, para pelajar kemudian perlu memahami konteks penggunaan sifat-sifat tersebut menerusi klip video pendek dan sumber akhbar.

Bahan-bahan ini menjadi contoh-contoh autentik tentang sikap serta perilaku manusia dalam kehidupan harian dan sangat relevan kepada pelajar dalam memahami maksud sesuatu sifat. Selanjutnya, penerapan dilakukan menerusi kefahaman teks-teks pendek serta latihan mewujudkan senario berdasarkan sifat-sifat yang dipilih. Berdasarkan dapatan kajian yang positif, dapat dirumuskan bahawa strategi yang dijalankan berkesan namun perlu diperkemas bagi meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar serta memenuhi keperluan pelajar yang berbeza-beza.

KESIMPULAN

Kajian ini telah membuktikan adanya hubungan antara pengetahuan kosa kata dengan keupayaan menjawab soalan kefahaman. Penguasaan kosa kata yang luas mampu meningkatkan keupayaan pelajar memahami isi cerita dan lantas menjawab soalan kefahaman dengan tepat. Strategi ini boleh diperluas secara bertahap dari menengah satu hingga menengah tiga dalam bentuk perancangan kurikulum agar lebih berstruktur dan merangkumi senarai sifat yang lebih lengkap dan komprehensif. Dengan ini, apabila melangkah ke menengah empat, para pelajar akan lebih bersedia dan yakin menjawab soalan-soalan kefahaman subjektif dalam peperiksaan nasional.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Jassika Murni Jasni

RUJUKAN

- Sawyer, Walter dan E.Comer, Diana, (1995). *Membesar bersama Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairuddin Mohamed, Maridah Alias dan Faiziah Shamsudin (2016). *Bahasa Melayu Komunikatif*. Petaling jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Harvey, S. & Goudvis, A. (2007). *Strategies That Work: Teaching Comprehension for Understanding and Engagement*. Portland, Maine: Stenhouse Publishers.
- Rog, L.J. (2012). *Guiding Readers Making the Most of the 18 Minutes Guide Reading Lesson*. Canada: Pembroke Publishers.
- Ghazali Mohamed Ibrahim (2018). Meningkatkan Kemahiran Membaca Teks Naratif Melalui Kaedah Berfikir Secara Bersistem dalam Seminar Bahasa Melayu, Pengajaran Inovatif Pemikiran Kreatif, hlm 161-174. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.



- Noor Rohana Mansor (2009). Model Analisis Aras Soalan Kognitif: Kajian Terhadap Buku Teks Bahasa Melayu Sekolah Menengah Atas. *Jurnal Melayu* (4): 73-90. Dipetik pada 21 November 2020 daripada https://www.researchgate.net/publication/265498586_Model_Analisis_Aras_Soalan_Kognitif_Kajian_Terhadap_Buku_Teks_Bahasa_Melayu_Sekolah_Menengah_Atas
- N. Alexandra Bluestein (2002). Comprehension through Characterization: Enabling Readers to Make Personal Connections with Literature. *The Reading teacher*, 55 (5), 431-434. Dipetik pada 20 November 2020 daripada <https://www.jstor.org/stable/20205076?seq=1>
- Smith, Nila Banton (1969). The Many Faces of Reading Comprehension. *The Reading Teacher Vol. 23*, No. 3, '69 Convention Soundings (Dec., 1969), pp. 249-259. Dipetik pada 21 November 2020 daripada <https://www-jstor-org.proxy.lib.sg/20196295>
- Manyak, Patrick C., Manyak, Ann-Margaret, Cimino, Nicole D. dan Horton, Amy L. (2019). Teaching Vocabulary for Application: Two Model Practices. *The Reading Teacher*; Jan/Feb 2019, Vol. 72 Issue 4, p485-498.
- Manyak, Patrick C (2007). Character Trait Vocabulary: A School Wide Approach. *The Reading Teacher*. 60(6):574-577. Dipetik pada 21 November 2020 daripada <https://www-jstor-org.proxy.lib.sg/stable/20204505>